

Media Title : Harian Metro
Headline : Rugi lebih RM300k diperdaya 'pegawai polis'
Date : 28 September 2025
Section : Lokal
Page : 8



Rugi lebih RM300k diperdaya 'pegawai polis'

Batu Pahat: Seorang wanita kerugian lebih RM300,000 selepas terpedaya dengan sindiket penipuan 'phone scam' yang menyamar sebagai polis.

Mangsa yang berusia 59 tahun itu mendakwa menerima panggilan pada 14 Mei lalu daripada seorang lelaki tidak dikenali yang memperkenalkan diri sebagai pegawai polis.

Ketua Polis Daerah Batu Pahat Asisten Komisio-

ner Shahrulanuar Moshaddat Abdullah Sani berkata, dalam panggilan telefon itu suspek memberitahu mangsa tersenarai antara suspek yang akan ditangkap bagi kes penggubahan wang haram.

Menurutnya, untuk mengelakkan daripada di-tahan, suspek meminta mangsa menyerahkan maklumat akaun bank miliknya serta mengarahkan agar memindahkan wang

ke dalam akaun diberikan oleh sindiket terbabit konnaunya untuk siasatan 'Bank Negara'.

"Bermula pada 20 Mei hingga 25 September lalu, mangsa memasukkan wang dalam akaunnya sebanyak 17 kali transaksi secara berperingkat dengan keseluruhannya berjumlah RM301,000.

"Tidak cukup dengan itu, mangsa diminta membuat bayaran tambahan namun

tidak mengendahkan kerana mula mengesyaki dia ditipu," katanya.

Menurutnya, susulan itu mangsa membuat laporan polis kelmarin bagi membolehkan siasatan dijalankan.

"Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan orang ramai diminta berwaspada jika menerima panggilan individu tidak dikenali," katanya.